

18 JUL 2002

P/raja-Mahathir

KEMENANGAN DI PENDANG PERMULAAN PENGUKUHAN BN DI KEDAH

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemenangan Barisan Nasional (BN) di Pendang merupakan permulaan kepada usaha memulihkan kedudukan BN bukan sahaja di kawasan kubu kuat PAS itu tetapi juga di seluruh Kedah.

Perdana Menteri berkata kemenangan itu adalah juga kemenangan rakyat berfikiran waras yang mahu kepada kebaikan dan tidak suka cara-cara kotor seperti melempar fitnah dan sebagainya.

"Kemenangan ini bagi saya bermakna permulaan kepada usaha kita memulihkan keadaan dalam kawasan itu dan juga di seluruh Kedah," katanya pada sidang video dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Othman Abdul yang mengalahkan calon PAS pada pilihan raya kecil Parlimen Pendang hari ini.

Othman mendapat 22,825 undi menewaskan Dr Mohd Hayati Othman dengan majoriti 283 undi.

Pada pilihan raya umum 1999, BN hanya mampu mempertahankan tujuh daripada 15 kerusi Parlimen di Kedah dan 23 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN). BN bagaimanapun kehilangan satu kerusi DUN apabila tewas kepada Keadilan pada pilihan raya kecil DUN Lunas pada tahun 2000.

Menurutnya, walaupun BN tewas kepada PAS pada pilihan raya kecil DUN Anak Bukit hari ini, sokongan kepada Umno dan BN terus meningkat memandangkan PAS menang dengan majoriti berkurangan.

Sidang video itu yang disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), menghubungkan Dr Mahathir yang berada di kediaman rasminya di Putrajaya dengan Abdullah di Pusat Penjumlahan Undi di Anak Bukit dan Othman di Pendang.

Di DUN Anak Bukit pula, calon BN Datuk Zakaria Said tewas kepada calon PAS Amiruddin Hamzah dengan majoriti 508. Pada pilihan raya 1999, bekas Presiden PAS Allahyarham Datuk Fadzil Noor menang di Pendang dengan majoriti 2,939 dan di Anak Bukit, 1,840 undi.

Dr Mahathir berkata: "Kita tahu kedua-dua kawasan itu dipegang oleh bekas presiden PAS yang juga (bekas) ketua pembangkang. Dari awal lagi kita sudah mengangap sukar untuk menang dengan mudah.

"Saya berpendapat kemenangan di Pendang dan pertambahan undi di Anak Bukit menjadi petanda yang baik untuk masa depan," katanya.

"InsyaAllah di masa depan kita akan dapat menambah lagi sokongan kepada BN untuk membolehkan BN terus berkhidmat kepada rakyat," katanya.

Perdana Menteri yakin jika BN terus berkempen dengan sopan dan tidak menggunakan kekerasan, rakyat akhirnya akan meningkatkan sokongan kepada Umno dan BN.

Menurutnya, kemenangan itu juga membolehkan Kedah meneruskan pelaksanaan rancangan pembangunannya bertujuan memberi kehidupan lebih baik kepada rakyat.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata: "Kita berpendapat menang satu, kalah satu taklah buruk seperti yang akan dianggap oleh parti lawan. Inilah kawasan yang susah sekali untuk dapat kemenangan. Saya pun dulu kalah di Pendang. Memang susah nak menang di sana."

Beliau berkata jika BN dapat memperbetulkan fahaman agama fanatik yang ada di kalangan penduduk terutamanya pengikut PAS, orang PAS akan "menyeberang" masuk Umno atau sekurang-kurangnya berkecuali daripada menyokong parti yang menggunakan cara yang kurang baik.

PAS dilaporkan menggunakan pelbagai taktik kotor termasuk memaki hamun,

berkelakuan biadap terhadap anggota Puteri dan Wanita Umno serta mengedarkan risalah dan poster yang menghina pemimpin BN ketika berkempen di Anak Bukit dan Pendang.

"Saya kesal dengan cara itu mereka dapat sokongan. Saya yakin orang Melayu akan sedar (keburukan parti PAS)," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN berkata kemenangan PAS di Anak Bukit membuktikan bahawa Malaysia benar-benar mengamalkan demokrasi.

"Dalam pilihan raya kecil ini didapati kerajaan boleh menang dan juga boleh kalah. PAS patut bersyukur kerana kita mengamalkan demokrasi," katanya dan menambah di sesetengah negara lain, ada parti lawan yang langsung tidak memenangi pilihan raya.

Dr Mahathir juga mengucapkan terima kasih kepada rakyat pelbagai kaum di Pendang kerana berkat sokongan kuat merekalah yang memberikan kemenangan kepada BN.

Selain itu, beliau juga berterima kasih kepada semua pihak termasuk parti-parti komponen BN, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim dan pasukan keselamatan kerana peranan masing-masing dalam menjayakan kedua-dua pilihan raya kecil itu.

Pada persidangan media kemudian, Dr Mahathir berkata Umno perlu mengadakan post-mortem bagi mengetahui punca kekalahan di Anak Bukit.

Beliau juga berkata Umno tidak akan membuat laporan polis mengenai perbuatan memfitnah serta memaki hamun oleh pemimpin pembangkang terhadap pemimpin Umno sepanjang kempen kedua-dua pilihan raya kecil itu.

"Dalam pilihan raya, kita tak suka buat laporan polis kerana kita akan dituduh sengaja halang kejayaan parti lawan. Kita tidak boleh ambil tindakan melainkan mereka melanggar undang-undang. Setakat ini belum ada laporan," katanya.

Dr Mahathir berkata parti pembangkang menuduh kononnya kerajaan zalim sehingga mereka sanggup menghalalkan perbuatan memaki hamun serta memfitnah.

"Tetapi mereka tidak sedar bahawa jika kerajaan benar-benar zalim mereka tidak boleh bertanding atau menang dalam pilihan raya.

"Di Malaysia, bila ada pilihan raya, satu dimenangi oleh parti kerajaan dan yang satu lagi oleh parti lawan. Jadi di manakah yang dikatakan kerajaan itu zalim?" tanya beliau.

Ditanya sama ada perbuatan memaki hamun akan menjadi budaya masyarakat Melayu, Dr Mahathir berkata: "Budaya atau tidak bergantung kepada orang Melayu dan Islam dan jika mereka suka kepada cara buruk ini, ia akan menjadi budaya."

"Saya lihat ada tanda-tanda keruntuhan akhlak di kalangan orang Melayu sehingga sanggup beri sokongan kepada orang yang buat kenyataan yang bertentangan dengan budaya orang Melayu dan ajaran Islam," kata Dr Mahathir lagi.

-- BERNAMA
AKT MAM MOZ